

EON Inspirasi

MAHU TITIPAN MATA PENA MENJADI LEGASI

Oleh

DR IDA MURYANY MD YASIN
Pusat Pengajian Biologi,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

ida9974@uitm.edu.my

Editor: Dr Nor'aishah Abu Shah

Edisi Prof. Madya Dr
Muhammad Hakimi Tew
Abdullah



Prof. Madya Dr Muhammad Hakimi Tew
Abdullah


Penolong Rektor Kampus Rembau, UiTM
Cawangan Negeri Sembilan

Ruangan EON Inspirasi edisi

kali akan membawa penampilan istimewa figura dari UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau iaitu Prof. Madya Dr Muhammad Hakimi Tew Abdullah atau lebih mesra dengan panggilan Dr. Kimi. Beliau kini diberi tanggungjawab untuk menyandang jawatan sebagai Penolong Rektor Kampus Rembau dan bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Massa.

Dr. Kimi berasal dari Batu Berendam, Melaka. Beliau lahir dalam keluarga yang berketurunan baba nyonya, Melaka. Beliau yang berusia 42 tahun merupakan anak bongsu daripada seramai tiga orang adik-beradik. Dibesarkan dalam keluarga yang fasih berbahasa Melayu, beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Wen Hua. Antara motif utama beliau dihantar ke SRKJ (C) Wen Hua adalah dengan harapan beliau dapat kemahiran dalam bahasa Mandarin. Oleh itu, sehingga kini beliau masih boleh berbahasa Mandarin dengan baik. Seterusnya, beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah (SMKMA).

Dr. Kimi seterusnya telah menyambung pengajian di peringkat diploma dalam bidang Penyiaran selama dua tahun di Akademi TV3 yang kini dikenali sebagai *Malaysia Institute of Integrative Media (MIIM)*. Diploma yang digenggam telah dimanfaatkan dengan memulakan pekerjaan awal dalam bidang penyiaran di bawah FINAS (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia). Namun, setelah menimba pengalaman bersama FINAS dan beberapa syarikat produksi, beliau telah melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda (Ijazah Sarjana Muda Komunikasi) secara separuh masa di Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui program eksekutif.



Beliau yang berbangsa Cina dan beragama Buddha pada mulanya telah mendapat hidayah dengan izin Allah ketika berusia 20 tahun dan telah memilih Islam sebagai pedoman dan panduan dalam menjalani kehidupan seharian. Perjalanan hidup beliau ketika itu sangat mencabar di mana beliau perlu berdikari kerana tidak mendapat sokongan daripada keluarga selepas memeluk Islam.

Menyentuh soal hidayah, penulis bertanya bagaimanakah beliau mula sedar yang beliau telah diberikan hidayah? Sesungguhnya beliau adalah antara orang yang sangat beruntung kerana terpilih. Beliau tersenyum seketika sambil mengenang kisah pahit dan manis yang telah dilalui sebelum ini.



Dr. Kimi telah menceritakan saat-saat ketika beliau mula tertarik dengan Islam. Beliau yang sedang belajar di Akademi TV3 pada masa itu mula mendalami Islam setiap kali membaca ruangan agama di dada-dada akhbar. Atas dasar minat yang mendalam, beliau telah mendapatkan tunjuk ajar dan rujukan daripada pensyarah beliau ketika di Akademi TV3 setiap kali sekiranya terdapat apa jua keraguan yang sedang bermain di dalam minda beliau.

Hati beliau mula terpanggil untuk hadir ke kelas mengaji Al-Quran walaupun belum lagi mengucapkan syahadah! Tanggal tahun 2001 merupakan tahun yang keramat apabila pintu hati beliau akhirnya terbuka untuk memeluk Islam secara rasminya bertempat di Pejabat Agama Islam Daerah Gombak Timur di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Keluarga merupakan insan-insan penting dalam memberi ketenangan dan kebahagiaan dalam hidup beliau

Selang beberapa tahun kemudian ketika usia menginjak 25 tahun, beliau telah mendirikan rumahtangga dengan jodoh yang telah ditentukan di Luh Mahfuz. Pada tahun 2007, Dr. Kimi mula menjawat jawatan sebagai kakitangan UiTM sebagai pensyarah sambilan sepenuh masa (PTFT) di UiTM cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah Melaka. Beliau kemudian telah menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana pula di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Setelah berjaya menggenggam Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat dari UPM, beliau kemudiannya ditawarkan jawatan pensyarah tetap di UiTM cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah pada 8 Mac 2010.

Walaupun sudah menyandang amanah tugas sebagai pensyarah, semangat beliau untuk menyambung pengajian tidak pernah luntur. Beliau menyambung pengajian ke peringkat doktor falsafah di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Sikap yang tidak pernah mengenal erti putus asa dalam hidup, beliau berjaya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang komunikasi pada tahun 2016. Seusai menamatkan pengajian di peringkat Ph.D, beliau telah berpindah dari UiTM cawangan Melaka ke UiTM cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau dan ditempatkan di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media yang baru dibuka pada tahun 2017.

Perjalanan kerjaya Dr. Kimi di UiTM cawangan Negeri Sembilan boleh diibaratkan sebagai membujur lalu melintang patah, beliau tidak gentar dengan rintangan yang mendatang malah menjadikan cabaran sebagai inspirasi untuk terus melangkah ke hadapan. Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Pusat Pengajian di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media. Walaupun beliau sibuk dengan kerja hakiki sebagai pensyarah dan pentadbir akademik, pelbagai hasil penulisan telah berjaya diterbitkan dan pelbagai anugerah berjaya dirangkul. Perbezaan bangsa bukan penghalang buat beliau untuk berkongsi ilmu yang dimiliki melalui titipan mata pena dalam Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantara. ***Hasil usaha dan sumbangan dalam bidang akademik, beliau telah dinaikkan pangkat kepada Professor Madya pada tahun 2020 ketika beliau berusia 40 tahun.***

Dr. Kimi merangkul banyak anugerah melalui hasil penulisan beliau. Antara anugerah yang sangat membanggakan adalah apabila beliau memenangi Anugerah Buku Negara pada tahun 2018 menerusi bukunya yang berjudul 'Pendemokrasian Maklumat Blog di Malaysia: Lahirnya Masyarakat Madani Baharu.' ***Selain itu, beliau juga telah berjaya merangkul Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2018 bagi kategori Anugerah Penerbitan Buku bagi peringkat UiTM, Anugerah Penerbitan Buku di peringkat UiTM Cawangan Negeri Sembilan pada tahun 2018 dan 2020, serta Anugerah Penulis Paling Prolifik pada tahun 2019. Antara koleksi-koleksi buku yang telah diterbitkan adalah 'Rohingya Mencari Sinar di Bumi Arakan', 'Dunia Blog di Malaysia', 'Jalan Hang Tuah ke Dewan Taming Sari' dan yang terbaru 'Tangga Batu Rumah Melaka'.***

Salah satu minat beliau adalah beliau sangat suka untuk menulis. Maka tidak hairanlah beliau dapat menerbitkan pelbagai buku dan artikel untuk suatu tempoh masa tertentu. Katanya biarlah masyarakat mengenali beliau melalui hasil penulisan yang telah diterbitkan. Kini, beliau sedang menyiapkan buku terbaru dan pastinya ia akan memberi impak positif seperti buku-buku beliau sebelum ini.



Ruang pejabat yang terang dan luas menggambarkan luas pandangan dan ketajaman fikiran Dr Kimi dalam berkarya

Selain menulis, Dr. Kimi juga suka memasak untuk isteri dan anak-anak sekiranya ada masa terluang. Masa bersama keluarga ini begitu berharga bagi beliau kerana merekalah insan-insan penting dalam hidup beliau.

Beliau sentiasa berpegang dengan kata-kata; ***"Stop pretending rain, keep building your ark and always be humble."*** Dr. Kimi juga percaya segala pencapaian yang dikecapi beliau hari ini adalah kerana rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah SWT. Sebelum mengakhiri temuramah bersama beliau, penulis meminta sedikit nasihat dari beliau selaku pensyarah senior. Tanpa teragak-agak, beliau berkata,

"Hendaklah kita sentiasa berfikiran positif. Buat sesuatu kerana Allah. Adalah penting untuk menjaga tugas hakiki kita sebagai pensyarah agar sentiasa mendapat keberkatan rezeki daripada Allah Ta'ala."

– Dr Kimi

Nasihat yang begitu dalam maksudnya buat rakan-rakan pensyarah agar dapat menggalas amanah dan tanggungjawab dengan baik.